
[BIL.7 NOV 2018](#)

Nazratul Husna terima Anugerah Industri Dimen

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN, PENERBIT UMP

Pengalaman mengikuti pertukaran pelajar ke Turki pada dua tahun lalu menjadi kenangan paling manis bu... berjaya menggenggam ijazah setelah menamatkan pengajian Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) T... 2018 yang lalu di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Program pertukaran pelajar di bawah Biasiswa Mevlana, Sakarya University, Turki itu juga membuka ma... Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 itu untuk terus berjaya menjadi ahli kimia pa...

“Saya berasa bertuah kerana terpilih dalam program berkenaan kerana pendedahan yang diterima s... membantu dalam pembelajaran saya.

“Saya berpeluang bertemu dengan pakar-pakar di sana dan kami berkongsi buah fikiran tentang pe... sebagainya,” katanya yang pernah memenangi anugerah CITREX pada awal tahun ini.

Nazratul yang juga penerima Anugerah Kecemerlangan Dimension BID itu berkata, beliau tidak men... mengekalkan Anugerah Dekan yang diterimanya selama enam semester berturut-turut.

Bagaimanapun, beliau hanya berpegang kepada prinsip untuk sentiasa berusaha, kuat semangat dan men... meraih kecemerlangan.

Sebagai mahasiswa banyak pengalaman yang pastinya akan menjadi kenangan dan nasihatnya agar m... menimba pengalaman kampus akan sentiasa dikenang apabila meninggalkan kampus kelak.

Sikap positif dan fokus kunci kejayaan Yong Shi Yun terima Anu

Sikap positif dan fokus menjadi kunci kejayaan Yong Shi Yun, 24 penerima Anugerah Srikandi Matahari p... Pahang (UMP) Ke-13 yang berlangsung pada 10 dan 11 November 2018 yang lalu di Dewan Kompleks Su

Beliau yang berasal dari Ipoh, Perak menganggap pelbagai rintangan yang dihadapinya sepanjang tempo akan dikenang sepanjang hidupnya.

“Saya sentiasa positif dalam apa juga keadaan termasuk menghadapi cabaran dalam pembelajaran dan permasalahan yang dihadapi dengan mudah.

“Bagi saya, sikap positif itu penting dan harus menjadi amalan semua supaya segala yang dirancang dapat besar,” katanya.

Shi Yun juga sempat berkongsi pengalaman manisnya apabila berjaya menghasilkan projek terakhir m... *Scale* untuk kegunaan menilai berat badan dan dapat memantau tahap kesihatan seseorang.

“Inilah antara rintangan paling besar yang terpaksa saya lalui kerana ianya juga melibatkan kemahiran program.

“Namun berkat kesabaran dan sokongan rakan-rakan mampu menyelesaikannya dan banyak perkara yang

Ujarnya lagi, semasa di kampus beliau juga turut menyandang beberapa jawatan iaitu sebagai setiausaha dan UNESCO Club UMP.

Shi Yun yang menamatkan pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) di UMP itu kini bertu

Tambah anak pasangan Yong Siew Kee, 57 dan Chan Yoke Fong, 54 beliau sudah menetapkan sasaran dan amat gembira apabila memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif 3.85 dan menggenggam segulung ijazah

Katanya, sepanjang penganjuran pelbagai program di UMP, antara perkara yang amat mencabar penganjuran program-program yang dianjurkan di UMP Pekan.

“Namun ianya mengajar erti kesabaran dan kreatif dalam memberikan komitmen terhadap tugas yang dalam memastikan program berjalan lancar,” ujar beliau.

Timothy cemerlang bijak urus masa

Bijak menguruskan masa dan bersikap optimis merupakan kunci kejayaan penerima Anugerah Prihatin Choon Chen, 24, pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 yang diadakan pada Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Penerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) itu berkata, beliau sering memanfaatkan pelajaran ataupun membuat perbincangan bersama rakan sekuliah.

“Cemerlang dalam akademik membolehkan beliau menerima Anugerah Dekan bagi tujuh semester berturut-turut.”

“Kita harus bersikap merendah diri supaya mudah menerima ilmu yang disampaikan dan jangan bersikap semata-mata berasa diri sudah pandai.

“Sebab itulah saya lebih suka untuk berbincang dengan rakan-rakan kerana mahu mendengar buah fikiran mereka, menjadikan saya lebih mudah mengingati fakta,” katanya yang kini bekerja sebagai Jurutera Elektrik di sebuah syarikat swasta.

Timothy yang juga anak kepada pasangan guru ini berkata, selain belajar, beliau juga sering bermain bola sepak dan aktiviti fizikal.

“Saya suka bermain bola keranjang kerana merasakan aktiviti ini dapat menyihatkan tubuh badan dan meredakan stres harian,” katanya.

Hong Wai Siang terima Anugerah Sapura Indragiri

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kesusahan bapa bekerja sebagai buruh binaan membakar semangat buat Hong Wai Siang, 24, untuk belajar usahanya selama ini membuahkan hasil apabila dinobatkan penerima Anugerah Kecemerlangan Sapura Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 pada 10 dan 11 November 2018 yang lalu di UMP Kampus Gambang.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) itu ketika ditemui berkata, kepayahan untuk terus belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya.

Bapanya, Hong Bong Leong, 54, bekerja sebagai buruh binaan bagi menyara mereka empat beradik, masing-masing tinggal di rumah.

"Ibu bapa saya tidak pernah menunjukkan kesusahan dan tanpa berputus asa mendidik sehingga menjadi seorang pelajar malah keperibadian diri.

"Mereka sanggup memerah kudrat hanya untuk memastikan segala keperluan kami adik beradik tercapai,"

Graduan yang berasal dari Lumut, Perak ini bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera dan mampu mengukir nama.

Tambah beliau lagi, dalam mendepani arus globalisasi yang kian mencabar ini, seorang graduan itu haruslah kritis dan mampu menyelesaikan sesuatu masalah.

Tambahnya, seorang graduan itu seharusnya mempunyai sikap berdikari, tahu merancang masa dan mampan.

Hong Wai Siang merupakan antara 2,773 graduan yang menerima ijazah dalam Majlis Konvokesyen UMP.

Anugerah ini hadiah untuk ayah dan ibu – No

Tiada apa yang lebih mengembirakan hati seorang graduan apabila ibu bapa dapat hadir menyaksikan konvokesyen setelah berhempas pulus menamatkan pengajian.

Walau bagaimanapun, situasi itu tidak terjadi kepada Norlinda Adsun, 23, graduan Fakulti Pengurusan Kecemerlangan Soho Niaga dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 di Kom 10 dan 11 November 2018 yang lalu.

Anak petani dari Kudat, Sabah ini terpaksa redha dengan ketentuan ilahi apabila bapanya Adsun menyebabkan lumpuh separuh badan sejak setahun yang lalu manakala ibunya, Sinulihing Bahood, 55, pe

“Kejayaan saya pada hari ini diharapkan dapat mengembirakan ibu bapa saya. Saya sentiasa berharap meraikan kejayaan saya semasa konvokesyen, namun saya redha ujian ini,” ujarnya.

Anak bongsu daripada empat orang adik-beradik berkata, kesusahan hidup bukanlah penghalang buat beliau. “Saya sentiasa cuba seimbangkan penglibatan kokurikulum agar ianya tidak mengganggu waktu akademik memastikan tugas akademik akan disiapkan terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti luar,” tambah beliau. Beliau merupakan anggota Perkhidmatan Awam (JPA) sejak tahun kedua pengajian di universiti.

Memegang falsafah *‘strive not to be a success but rather to be value’* Norlinda berkata, persekitaran yang banyak memberi kesan untuk mencapai kejayaan.

“Untuk berjaya seorang mahasiswa itu perlu pandai mencipta peluang yang ada. Jangan pernah berputus asa dengan pengalaman selagi boleh,” katanya.

Beliau yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Projek dengan Pura merupakan pemenang bagi Pertandingan Kaligrafi UMP Kategori Non-Chinese 2016/2017.

Kee Keing Lee anak nelayan raih Hadiah Kecemerlangan BAS

Graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, Kee Keing Lee, 24, menerima Hadiah Kecemerlangan pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 pada 10 dan 11 November 2018 yang berlangsung di Gambang.

Bagi anak kelahiran Teluk Intan Perak ini, kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha dan berani untuk terus maju di samping mencari dan memperbaiki kelemahan diri.

Selain itu, pengurusan diri dan masa harus dibentuk supaya perkara yang menjadi keutamaan tidak terjejas.

Pastinya ibu dan ayah menjadi penguat semangat apatah lagi melihat kerja keras ayahnya, Kee Cheng Perak yang tinggal di Teluk Intan, Perak.

Manakala ibunya sebagai suri rumah sepenuh masa menjadi pembakar semangat untuk beliau terus berambisi untuk mencapai tuanya.

“Banyak kenangan manis yang tidak dapat dilupakan semasa menuntut di UMP.

“Banyak juga pengalaman ketika saya terlibat dalam menjayakan program universiti seperti Pahang Engineering Society bersama SL1M, Misi kemanusiaan di Kemboja dan menyempurnakan tanggungjawab sebagai Presiden Himpunan Mahasiswa di katanya.

Anak sulung dari empat adik-beradik ini juga menerima Anugerah Dekan bagi setiap semester.

Sebagai anak sulung, beliau harus berusaha lebih untuk meringankan beban keluarga. Ibu bapa ada di belakangnya sehingga kini.

Sokongan tanpa henti membuatkan beliau lebih bersemangat berusaha untuk membina kerjaya yang boleh membanggakan.

Tai Jia Yee anak tunggal rangkul Anugerah Dekan

Nekad tidak mahu membebankan ibunya yang juga ibu tunggal, Tai Jia Yee belajar bersungguh-sungguh mendorong kejayaan beliau merangkul Anugerah Emas Universiti pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaya dengan Purata Nilai Gred Kumulatif 3.84.

Menurut graduan Diploma Sains Komputer dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) untuk belajar dengan tekun dan kini sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah dalam bidang Sains.

Anak tunggal yang berasal dari Kota Bharu Kelantan ini aktif dalam kokurikulum.

Selain cemerlang akademik, beliau turut aktif dalam pelbagai persatuan dan program yang dianjurkan oleh universiti.

Bagi ibunya Lee Whai Leng, 50, yang bekerja sebagai jurusolek beliau berkerja keras bagi memastikan anaknya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

“Saya bersyukur dan gembira atas anugerah yang diterima oleh anak saya. Semoga dia terus cemerlang dalam pelajaran dan kerjaya,” katanya.

Tai Jia Yee menyimpan hasrat untuk menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya suatu hari nanti.

Nurhuda Dini terima Hadiah Kecemerlangan Industri Sains

Nurhuda Dini Faridon, 21, dari Rawang, Selangor tidak pernah menyangka akan terpilih sebagai penerima anugerah Petroleums Sdn. Bhd. sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 di Kompleks Universiti dan 11 November 2018 yang lalu.

Beliau yang menamatkan pengajian dengan Purata Nilai Gred Komulatif (PNGK) 3.57 kini tetap memilih untuk melanjutkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia.

Berpegang kepada prinsip tidak mudah berputus asa dalam kehidupan kerana di sebalik kepayahan penerbitan, Faridon Talib, 55, dan ibunya Hasbah [Abdullah@Joned](#), 53, pendorong terbesar dalam kehidupannya.

“Saya menjadikan ibu bapa sebagai sumber inspirasi saya untuk berjaya pada hari ini.

“Selain itu amat menghargai didikan datuk dan nenek di kampung yang membesarkan saya sejak kecil,” katanya.

“Perancangan masa amat penting bagi seimbangkan antara akademik dan kokurikulum. Oleh itu, beliau telah membuat softboard bagi memudahkan untuk memberi tumpuan kepada pelajaran,” ujar graduan Diploma Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ini.

Jelas beliau lagi, beliau akan memastikan tiada tugas yang akan dibuat pada saat akhir di samping semester yang kurang pasti.

Nurhuda Dini atau lebih disapa dengan panggilan Dini berkata, seorang mahasiswa itu perlu bertanggungjawab, menghormati orang lain serta bijak menguruskan masa.

“Saya mengambil contoh dalam menyiapkan tugas secara berkumpulan, setiap ahli kumpulan seharusnya bertanggungjawab dalam bidang tugas dan format dalam menyiapkan tugas yang diberikan,” katanya.

Adik dan abang berkongsi kejayaan di pentas korporat

Pasangan adik-beradik melakar sejarah manis apabila berkongsi pentas dan kegembiraan selepas Kejuruteraan dengan Keusahawanan pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 pada Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Mereka adalah Ahmad Fakhruddin Ahmad Faudzi, 29 dan adiknya Norul Solihah Ahmad Faudzi, 27 yang b

Fakhruddin yang kini bertugas sebagai Pensyarah Teknikal di Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Kemaman sebagai guru di Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu.

Ketika ditemu bual, kedua-duanya melahirkan perasaan gembira dan terharu dengan kejayaan ini.

Ujar Fakhruddin, kejayaan hari ini juga adalah berkat doa daripada ibu bapa mereka yang banyak berkorba

Beliau mula mengikuti pengajian di peringkat Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) di UMP pada ta pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia pada tahun 2010.

Pada masa yang sama, Solihah turut menjejaki langkahnya untuk menyambung pengajian di UMP sehingg

“Setelah kami memperoleh pekerjaan, kami berdua bersepakat untuk menyambung pengajian di peringkat

Walaupun kedudukan tempat tinggal kami berjauhan di antara Setiu dan Kemaman, namun tidak mengha UMP.

Saya akan menunggu Solihah yang menaiki bas ke Kemaman dan kami akan sama-sama ke UMP,” katany

Beliau dan adik masing-masing bekerja keras untuk cemerlang dalam pelajaran dan gembira akhirnya berj

Manakala Solihah pula berkata, ianya merupakan anugerah yang terindah dalam dirinya apabila berjaya m

Meskipun sedang sarat mengandung, beliau tidak akan melepaskan peluang ini bagi memastikan impianny

Solihah turut mengimbas kembali kenangannya bersama abangnya dan mereka selalu berbincang dan me

Ujarnya, bukan mudah untuk bergelar sebagai seorang pekerja dan status seorang pelajar pada masa yan

Dengan tugas hakiki, mereka perlu pandai memberikan masa antara tugas dan pelajaran. Memang dua tahun berulang-alik berakhir dengan detik manis yang dapat diraikan bersama keluarga.

Beliau juga ingin mengucapkan terima kasih kepada abangnya, keluarga dan pensyarah yang banyak mem

Kecacatan bukan halangan Muhammad Zabri untuk c

Tiga beradik berkongsi kenangan manis apabila dianugerahkan ijazah sarjana dan diploma dalam Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Ke-13 (UMP) yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP Kampus Pekan 2018 yang lalu.

Mendapat sokongan ayah dan ibu mereka, Pothorajoo Sanasee, 58 dan Appalarasie Subramaniam, 57, Pothorajoo, 27, Loshyini Devi Pothorajoo, 25 dan Tarshwini Devi Pothorajoo, 21 memilih UMP sebagai destinasi pengajian.

“Dorongan ayah memberikan kami suntikan semangat antara satu sama lain menjadi tunjang utama untuk meraih Sarjana dan diploma bersama pada majlis konvoksyen yang sama,” ujar Satish Rao Pothorajoo sebagai pengajian Sarjana Sains.

Bagi adiknya, Loshyini Devi Pothorajoo, beliau pada awalnya menyambung pengajiannya di peringkat diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).

Kemudian mengikuti jejak langkah abangnya menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam jurusan Juruteraan Berjaya menamatkan pelajaran serentak bersama abangnya.

Manakala adiknya, Tarshwini Devi Pothorajoo menerima Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) di UMP.

“Sudah semestinya ianya merupakan satu kenangan manis kepada diri saya malah buat seisi keluarga.

Ayah selalu berpesan jangan sia-siakan peluang ada. Cukuplah dahulu ayah dan ibu tidak berpeluang ke universiti,” kata Satish.

Sementara itu, menurut Pothorajoo, beliau sentiasa menyokong hasrat anak-anaknya untuk menyambung pengajian mereka selama ini.

Beliau tidak pernah lelah memberikan sokongan dan motivasi pada anak-anaknya untuk menimba ilmu di universiti.

Pelajar sekolah melawat galeri UMP dan sertai program

Program *Street Science@Gallery* anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Fakulti Sains dan Matematik (STEM) diadakan pada 10 November 2018 yang lalu mampu menyuntik kecenderungan pelajar sekolah untuk meminati sains dan Matematik (STEM).

Selain menyaksikan produk penyelidikan, arkib sejarah universiti dan koleksi gambar kecemerlangan universiti, aktiviti sains dalam program *Street Science@Gallery* yang diadakan bersempena Expokonvo UMP.

Program itu melibatkan seramai sepuluh orang mahasiswa fakulti sebagai fasilitator dan 31 orang pelajar dari Sekolah Menengah Wira, Kuantan.

Menurut Pengarah Program, Mohd Faizul Nazrie, pemilihan aktiviti yang dijalankan pada kali ini memberi tumpuan mengenai STEM.

“Peserta aktiviti dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk memudahkan kaedah penyampaian dan mendapatkan maklumat.”

“Pada kali ini, aktiviti yang diadakan berkonsepkan *Do It Yourself* (D.I.Y) yang mana setiap pelajar melakukan eksperimen sementara fasilitator bertindak sebagai penasihat. Mereka sangat teruja dan menunjukkan realiti aktiviti.”

Beliau berharap peserta dapat berkongsi ilmu yang mereka peroleh pada hari ini dengan rakan-rakan di sekolah masing-masing.

Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuklah *Math Race and Puzzle*, *Lets Recycle*, *Fire Fact* dan *Science Fun*.

Melalui aktiviti ini juga pelajar diuji dengan kemahiran Matematik dan pengetahuan Sains manakala aktiviti dijalankan dengan kertas dan plastik dan diajar untuk menghasilkan tali.

Aktiviti yang paling digemari adalah slot *Science Fun* iaitu pelajar dapat mempelajari cara menghasilkan tali menggunakan garam dan ais kering dan lava gunung berapi.

Bagi guru pengiring, Norulhuda Legiman, beliau berharap agar aktiviti STEM seperti ini dapat ditiru dan menggalakkan pelajar sekolah untuk turut serta mencuba dan membina keyakinan diri.

“Selain itu, pendedahan yang diterima pelajar dalam aktiviti hari ini mungkin tidak didapati di sekolah masing-masing di makmal,” katanya.

Aktiviti berakhir dengan sesi penyampaian cenderamata dan bergambar kenangan di dalam Galeri sebagai tanda penghargaan.

Pahang Hackathon beri pendedahan pelajar sekolah tentan

Penganjuran Pahang Hackathon 2018 dilihat selaras dengan inisiatif pengukuhan Sains, Teknologi, dan Inovasi yang dibangunkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang untuk meningkatkan penglibatan murid dalam program berunsurkan STEM.

Merealisasikan hasrat ini, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM) menjayakan Pahang Hackathon 2018 di UMP Pekan pada 15 November 2018 yang lalu.

Seramai 123 orang pelajar yang berumur antara sembilan hingga 16 tahun terlibat membabitkan pertandingan Pahang malahan sekolah sekitar Kelantan, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Menurut Pengarah Program, Ir. Dr. Nurul Hazlina Nordin yang juga merangkap Pengarah Jaringan Industri dan Masyarakat diadakan untuk memberi pendedahan mengenai elektronik sistem kepada para pelajar yang mana meliputi pendedahan kepada *open-source hardware and software* seperti Arduino, reka bentuk *electronics embedded* dan sebagainya.

“Para pelajar akan dibekalkan dengan satu set kelengkapan peranti elektronik dan satu kod pengaturcaraan,”

“Pelajar ini kemudiannya dikehendaki untuk mengubah suai pengaturcaraan dan peralatan elektronik tersebut untuk menyelesaikan cabaran pertandingan,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, penubuhan Makmal Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di UMP kini semakin meningkat dan sekolah meminati bidang ini.

Penganjuran kali ini mendapat penajaan dari Motorola Solutions Foundation serta Amanah Saham Nasional Malaysia.

Hadir merasmikan program, Dekan FKEE, Profesor. Ir. Dr. Kamarul Hawari Ghazali yang turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Akademik, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Haji Mohd Noharuddin Awang dan wakil Yayasan Bank Rakyat.

Sementara itu, bagi Mohd Syahir Irsyad, 15, pelajar Maahad Tahfiz Negeri Pahang melihat program ini merupakan peluang kepada para pelajar berkenaan dengan asas mencipta robot.

Pertandingan Hackathon terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *Track 1: MBlock*, *Track 2: Arduino* dan *Track 3: Lego*.

Melalui pertandingan ini, pelajar perlu membangunkan sebuah robot dan melengkapkan kod pengaturcaraan yang beroperasi secara manual dan auto normal.

Pertandingan menyaksikan kategori *MBlock* dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Ahmad, Sekolah Menengah Kebangsaan Al-Farooq memenangi kategori Arduino dan Maahad Tahfiz Negeri Pahang memenangi kategori Lego.

-
- 207 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

